



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROJEK ROKET BELIA MALAYSIA SASAR TINGGI TEKNOLOGI DAN INOVASI ANGKASA LEPAS

NIBONG TEBAL, 13 Mei 2023 – Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, YB Chang Lih Kang hari ini mengumumkan sumbangan berjumlah RM10,000 sebagai sokongan kepada Projek Hebat II, Wau Rocketry Universiti Sains Malaysia (USM). Projek ini merupakan satu inisiatif yang diterajui pelajar dan mereka adalah wakil tunggal Malaysia dalam pertandingan berprestij, Spaceport America Cup. Sejalan dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2030, Projek Hebat II memfokuskan kepada pembangunan ekosistem inovasi yang mampan, berdaya saing dan inklusif.

Ditubuhkan pada tahun 2021, Pasukan Wau Rocketry USM ini telah berjaya membawa nama Malaysia ke peringkat global dalam bidang roket. Terdiri daripada 12 orang pelajar Kejuruteraan, pasukan ini telah terpilih untuk bersaing di Spaceport America Cup 2022, di mana mereka telah mereka bentuk, membina dan melancarkan roket bunyi pertama ciptaan pelajar Malaysia yang dinamakan sebagai HEBAT. Spaceport America Port merupakan satu acara tahunan yang diadakan di New Mexico, Amerika Syarikat, merupakan persidangan roket antara kolej dan pertandingan pelancaran roket terbesar di dunia. Penyertaan sulung Wau Rocketry sebelum ini telah berjaya meletakkan pasukan mereka di tempat ke-7 daripada 46 pasukan dalam kategori 10,000 kaki dan tempat ke-12 daripada 99 pasukan dari seluruh dunia.

Sejak penubuhannya pada 2021, pasukan Wau Rocketry kini telah berkembang menjadi sebuah kelab yang dianggotai oleh 30 orang ahli. Mereka komited untuk memacu inovasi dalam roket sambil memberi inspirasi kepada generasi muda untuk meneruskan kerjaya dalam sektor angkasa lepas. Pada tahun ini, pasukan Wau Rocketry sekali lagi telah terpilih untuk bersaing dalam Spaceport America Cup 2023 dan akan

mewakili Malaysia dengan Raket Hebat II mereka di pelabuhan angkasa bertaraf dunia, New Mexico nanti. Raket Hebat II, dibina sepenuhnya di Kampus Kejuruteraan, USM dengan menggunakan kaedah a wet hand layup dan split mould, akan membawa muatan eksperimen 3U CubeSat seberat kira-kira 4kg dan dilengkapi kamera untuk tujuan rakaman ketika penerbangan. Bertanding dalam kategori COTS 10,000 kaki, pasukan Wau Rocketry membawa sasaran untuk meletakkan Malaysia di kedudukan antara lima (5) teratas pada Spaceport America Cup 2023.

Kumpulan pelajar tersebut kini sedang mengumpul dana dan mencari tajaan bagi menampung kos perbelanjaan untuk menyertai pertandingan yang akan diadakan pada bulan Jun akan datang. Dengan sasaran sebanyak RM350,000.00, RM80,000.00 telah berjaya dikumpulkan setakat ini. Spaceport America Cup 2023 akan disertai oleh 16 orang pelajar serta dua orang penasihat.

Hari ini, YB Chang Lih Kang berpeluang untuk melawat pasukan WAU Rocketry dan melihat sendiri persiapan dan kemajuan projek tersebut. Beliau berharap projek seperti Hebat II ini akan menjadi satu galakan kepada golongan belia di Malaysia, bukan sahaja untuk melibatkan diri dalam inovasi malah, mempromosikan pendidikan STEM dengan lebih meluas.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi juga mempelawa orang ramai serta pemain industri untuk turut menyumbang kepada usaha mengumpul dana Projek Hebat II. Beliau menekankan kepentingan kerjasama antara sektor swasta dan ahli akademik dalam memupuk generasi baharu inovator pada masa akan datang.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13 MEI 2023